

16 APR 2002

Perundingan/I

KUMPULAN PERUNDINGAN MALAYSIA DITUBUH DI CAPITOL HILL

Oleh: Salmu Hashim

WASHINGTON, 16 April (Bernama) -- Sekumpulan anggota Kongres Amerika sedang menubuhkan sebuah kumpulan perundingan Malaysia di Capitol Hill untuk menggalakkan hubungan yang lebih baik antara Malaysia dan Amerika Syarikat, menurut sumber-sumber kongres.

Kumpulan yang dikenali sebagai "Perundingan Kerjasama Perdagangan, Keselamatan dan Ekonomi" itu akan dipengerusikan oleh Anggota Dewan Perwakilan Pete Sessions (Republican-Texas), dan dipengerusikan bersama oleh Gregory Meeks (Democrat-New York), kata sumber-sumber kepada Bernama pada Isnin lepas.

Kerja penuhi perundingan itu yang diterajui oleh Sessions dan disokong kuat oleh Meeks, telah dijalankan sejak sebulan lepas, dan usaha juga sedang dilakukan untuk menambah anggotanya bagi memperkuatkan lagi kumpulan itu.

Sebuah kumpulan perundingan yang serupa juga sedang ditubuhkan di kalangan anggota Senat.

Jurucakap media Sessions, Adrian Plesha menjangka sekurang-kurangnya "dua dozen" anggota akan menyertai kumpulan itu pada peringkat awalnya. Kira-kira 15 anggota, yang dianggap sebagai "rakan Malaysia", sudah membayangkan hasrat untuk menyertainya.

Kedua-dua anggota Kongres itu berada di Malaysia pada Januari lepas dan telah menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Perdana Menteri yang dijadualkan menemui Presiden George W. Bush pada 14 Mei di White House, dijangka melancarkan perundingan itu di Capitol Hill pada majlis jamuan tengah hari khas selepas pertemuan itu.

Dr Mahathir telah menerima jemputan Presiden Bush ke Washington pada 13-15 Mei dan mereka dijangka berbincang tentang krisis di Asia Barat di samping isu mengenai hubungan dua hala.

James A. Kelly, Penolong Setiausaha Negara Bagi Hal Ehwat Asia Timur dan Pasifik, telah berkata di Kuala Lumpur bahawa Bush ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Dr Mahathir atas sumbangan Malaysia dalam usaha antarabangsa untuk membanteras keganasan.

Pembantu Kongres Plesha berkata: "Perundingan ini sepatutnya sudah lama diwujudkan, bagaimanapun lebih baik terlewat daripada tiada langsung."

Beliau berkata idea untuk menubuhkan perundingan itu timbul semasa lawatan Sessions ke Malaysia apabila beliau merasa begitu tertarik dengan tahap pembangunan di Malaysia dan "melihat peluang yang sangat besar untuk ahli perniagaan US."

"Lagipun, Malaysia adalah negara demokrasi yang mengamalkan pilihan raya secara bebas dan adil, dan anggota Kongres itu ingin menyebarkan kesedaran mengenainya di US."

Pembantu Meeks, Mark Milley, berkata minat untuk menubuhkan kumpulan itu di kalangan anggota kongres US timbul terutamanya selepas serangan 11 Sept terhadap Amerika.

Beberapa anggota merasa berminat untuk meningkatkan lagi hubungan US-Malaysia setelah menyedari bahawa Malaysia, sebuah negara Islam, sedang bekerjasama dengan US untuk membanteras keganasan.

"Malaysia adalah negara Islam, tetapi berbeza dengan negara Islam lain," kata Milley.

Malaysia sebelum ini telah menahan 24 orang yang disyaki penganas yang

didakwa mempunyai hubungan dengan Al-Qaeda, dan sedang meneruskan kerjasama dengan US untuk menentang keganasan. Awal bulan ini Malaysia menganjurkan sesi khas menteri luar negara Islam mengenai keganasan.

Terdapat beberapa kumpulan perundingan di Capitol Hill termasuk bagi Sri Lanka, Taiwan, Turki dan Ireland.

Sebuah kumpulan perundingan pada asasnya merupakan satu kumpulan orang yang bersatu untuk sesuatu tujuan. Ia bukan kumpulan melobi dan tidak pula menerima pembiayaan daripada negara lain atau warga negara asing.

Milley berkata kumpulan itu boleh melakukan banyak kegiatan untuk mengukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua negara termasuk menganjur resolusi, menulis surat kepada anggota Kongres yang lain mengenai isu yang berkaitan dengan kumpulan itu, dan mengadakan lawatan ke Malaysia untuk lebih memahami negara itu.

-- BERNAMA

SH ZS RM NMO